

**PERATURAN KEJOHANAN OLAHRAGA MSS KEDAH
DAERAH KULIM BANDAR BAHARU KALI KE - 42, 2009**

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (KOAM) dan Peraturan-peraturan Am MSSM dan Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSM kecuali:

1.1 Beberapa acara dan alat-alat lontaran dan lompatan diubahsuai mengikut kelas-kelas yang berkenaan.

1.2 Beberapa peraturan pertandingan yang diubahsuai mengikut keperluan dan kesesuaian kejohanan ini.

2. ACARA-ACARA SERTA UKURAN-UKURAN DAN TIMBANGAN ALAT-ALAT PERTANDINGAN

KOD ACARA	ACARA	JANTINA	LELAKI				PEREMPUAN			
		KELAS	1L	2L	3L	4L	1P	2P	3P	4P
		UMUR	18 TKB	15 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	12 TKB	10 TKB
01	60m					X				X
02	100 m	X	X	X	X	X	X	X	X	X
03	200 m	X	X	X			X	X	X	
04	400 m	X	X				X	X		
05	800 m	X	X				X	X		
06	1500 m	X	X				X	X		
07	3000 m						TERBUKA			
08	5000 m	TERBUKA								
09	80 m Lari Berpagar			X 0.762 m					X 0.762 m	
10	100 m Lari Berpagar						X 0.840 m	X 0.762 m		
11	110 m Lari Berpagar	X 0.992 m	X 0.914 m							
12	200 m Lari Berpagar		X 0.840 m					X 0.762 m		
13	400 m Lari Berpagar	X 0.914 m					X 0.762 m			
14	2000 m Lari Berhalang		X							
15	3000 m Lari Berhalang	X								
16	3000 m Jalan Kaki							X		
17	5000 m Jalan Kaki		X				X			
18	10000 m Jalan Kaki	X								
19	Lompat Tinggi	X	X	X	X	X	X	X	X	X
20	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X	X	X	X
21	Lompat Kijang	X	X				X	X		
22	Melontar Peluru	X 5.45 kg	X 4.55 kg	X 2.72 kg			X 4.00 kg	X 4.00 kg	X 2.72 kg	
23	Melempar Cakera	X 1.50 kg	X 1.00 kg				X 1.00 kg	X 1.00 kg		
24	Merejam Lembing	X 700 g	X 600 g				X 600 g	X 600 g		
25	4 x 100m	X	X	X			X	X	X	
26	4 x 200m			X					X	
27	4 x 400m	X	X				X	X		
28	Pentatlon						TERBUKA			
29	Heptatlon	TERBUKA								
JUMLAH		19	17	8	4	18	16	8	4	

2.1 Kod 09: Acara 80 m Lari Berpagar.

BIL. PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN	PAGAR KE PAGAR	PAGAR 8 KE GARISAN PENAMAT
8	0.762 m	12.0 m	8.0 m	12.0 m

2.2 Kod 12: Acara 200 m Lari Berpagar.

KATEGORI	BIL. PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN	PAGAR KE PAGAR	PAGAR 8 KE GARISAN PENAMAT
2L	10	0.840 m	16.0 m	19.0 m	13.0 m
2P	10	0.762 m	16.0 m	19.0 m	13.0 m

2.3 Kod 14: Acara 2000 m Lari Berhalang.

2.3.1 Lompat pagar : 18 kali

2.3.2 Lompat air : 5 kali

2.3.3 Lompat air ialah lompatan yang kedua dalam pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam setiap pusingan yang berikutan.

2.4 Kod 26: Acara 4 x 200m.

2.4.1 **Pelari Pertama** akan menggunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger seperti **pelari pertama dalam acara 4 x 400m**.

2.4.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan 1 stagger yang akan disediakan. Selepas menerima baton dari pelari pertama, pelari kedua mesti berlari di lorong sendiri.

2.4.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 x 400m). Selepas menerima baton dari pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong sendiri sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.

2.4.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut **urutan senarai permulaan dari dalam ke luar**, dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak pelari lain.

2.5 Kod 28: Acara Pentatlon.

2.5.1 Hari Pertama : 100m Lari Berpagar, Lompat Tinggi dan Melontar Meluru.

2.5.2 Hari Kedua : Lompat Jauh dan 800 meter.

2.6 Kod 29: Acara Heptatlon.

2.6.1 Hari Pertama : 110m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Melontar Peluru dan 400 meter.

2.6.2 Hari Kedua : Lompat Jauh, Merejam Lembing dan 1500 meter.

2.7 Kiraan Pemenang Acara Pentatlon dan Heptatlon.

2.7.1 Peraturan Am untuk acara ini hendaklah dirujuk kepada peraturan Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (K.O.A.M) para 4, 5, 6 dan 7.

2.7.2 Pemenang adalah peserta yang memperolehi mata tertinggi dalam lima/tujuh acara berdasarkan kepada Jadual Mengira Mata IAAF, walaupun ukuran berat bagi acara Melontar Peluru dan Merejam Lembing tidak sama dengan kehendak IAAF.

2.7.3 Sekiranya seri, maka pemenang adalah peserta yang memperolehi mata tertinggi dalam lebih acara antara peserta-peserta yang seri. Jika ini juga tidak dapat memutuskannya, pemenang adalah peserta yang mendapat mata yang tertinggi dalam mana-mana acara yang tertentu. Keadaan ini digunakan untuk menentukan sebarang tempat dalam pertandingan ini.

2.7.4 Seseorang peserta yang gagal memulakan atau membuat percubaan di salah satu daripada lima/tujuh acara, tidak akan dibenarkan untuk meneruskan acara berikutnya dan dikira telah meninggalkan pertandingan.

3. PENYERTAAN PERTANDINGAN

- 3.1 Peserta mestilah terdiri daripada pelajar yang menghadiri kursus penuh di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang berdaftar dan menjadi ahli MSSK DKBB adalah layak untuk bertanding.
- 3.2 Pelajar yang menunggu keputusan SPM/SPVM/SPTM/STPM tidak layak menyertai kejohanan ini.
- 3.3 Pelajar Tingkatan 6 Atas boleh bertanding dengan didaftarkan dalam kategori 18 tahun ke bawah dengan syarat belajar sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah yang berdaftar dengan MSSK DKBB serta dapat mengemukakan salinan tawaran rasmi kemasukan ke Tingkatan 6 Rendah serta salinan keputusan Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 6 Rendah yang disahkan oleh Pengetua / Penolong Kanan sekolah berkenaan.
- 3.4 Setiap pasukan sekolah menengah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan sahaja bagi setiap acara Lari Berganti-ganti. Setiap PKG dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada tiga (3) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan sahaja bagi setiap acara Lari Berganti-ganti.
- 3.5 Jumlah acara yang dibenarkan untuk peserta Tingkatan 6 Atas ialah 2 acara untuk lelaki dan 2 acara untuk perempuan. Peserta-peserta Tingkatan 6 Atas **TIDAK DIBENARKAN** menyertai acara lari berganti-ganti.
- 3.6 Bilangan maksimum penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut:

Kumpulan Umur / Kelas	Individu	Lari Berganti-ganti
Tingkatan 6 Atas L dan P	2	-
1L dan 1P	3 (termasuk acara terbuka)	2
2L dan 2P	3 (termasuk acara terbuka)	2
3L dan 3P	2	2
4L dan 4P	2	-

- 3.6.1 Peserta-peserta hanya boleh mengambil bahagian dalam kelas diri sendiri sahaja kecuali dalam acara 'Terbuka'.
- 3.4.2 Peserta-peserta Heptathlon dan Pentathlon **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara perseorangan yang lain.
- 3.4.3 Acara 'Terbuka' hanya dibenarkan disertai oleh peserta-peserta yang berumur 12 tahun atau lebih pada 1 Januari 2009.
- 3.7 Pembahagian kelas.

Kumpulan Umur / Kelas	Kiraan Umur	Tahun Dilahirkan
1	18 tahun dan ke bawah	1991, 1992 dan 1993
2	15 tahun dan ke bawah	1994, 1995 dan 1996
3	12 tahun dan ke bawah	1997 dan 1998
4	10 tahun dan ke bawah	1999 dan selepasnya

4. PENDAFTARAN PESERTA

- 4.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada atau sebelum **22 Februari 2009** dengan menggunakan **disket** yang disediakan. Semua butiran perlu diisi sepenuhnya dan hendaklah disahkan oleh Pengetua/Guru Besar sekolah masing-masing. Disket yang lengkap hendaklah dihantar bersama *hard-copy* kepada:

**Jawatan Kuasa Pertandingan
Kejohanan Olahraga MSSDKBB ke-42, 2009
d/a SMK. Taman Kenari,
09000 Kulim,
Kedah Darul Aman.**

- 4.2 Peserta-peserta bawah 10 dan bawah 12 tahun, setiap PKG hendaklah menyertakan salinan surat beranak yang telah disahkan oleh Guru Besar sekolah peserta yang berkenaan.
- 4.3 Peserta bawah 15 dan 18 tahun, tiap-tiap sekolah hendaklah menyertakan salinan kad pengenalan yang telah disahkan oleh Pengetua sekolah masing-masing. Peserta **WAJIB** membawa Kad Pengenalan asal atau setaraf dengannya sebagai pengesahan rasmi. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya **TIDAK AKAN DITERIMA** (sila rujuk Perintah Am 4 MSSM).

- 4.4 Pihak Jawatankuasa Pertandingan mempunyai bidang kuasa untuk **MENOLAK PENDAFTARAN** peserta jika didapati meragukan dan dokumen yang dikemukakan tidak lengkap.

5. PENARIKAN DAN PENGGANTIAN

- 5.1 Tarikh akhir untuk pengesahan peserta ialah pada **25 Februari 2009** sebelum pukul **12.00 tengah hari**.
- 5.2 Semua pengesahan dan pertukaran boleh dilakukan pada masa ini. **SELEPAS TEMPOH ITU, SEMUA PERTUKARAN / PENGGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN.**
- 5.3 Taklimat pengurus pasukan akan diadakan pada pukul **2.30 petang, 26 Februari 2009** di SMK Taman Kenari. Hanya penarikan diri peserta **TANPA** pengganti sahaja yang dibenarkan dalam taklimat ini.
- 5.4 Penarikan diri semasa kejohanan dijalankan.
- 5.4.1 Maklumat tentang penarikan diri semasa kejohanan dijalankan hendaklah disampaikan kepada Pengelola Peserta dan Pengurus Kejohanan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum sesuatu acara itu dimulakan seperti yang tercatat dalam susunan acara.
- 5.4.2 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan pada Taklimat Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian di dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan atau surat pengesahan penarikan diri bersebab daripada Pengetua/Guru Besar, peserta tersebut tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 5.4.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan atau surat pengesahan penarikan diri bersebab daripada Pengetua/Guru Besar, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 5.4.4 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan atau pengesahan penarikan diri bersebab daripada Pengetua/Guru Besar, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas nama atau pasukannya dengan mengemukakan surat pengesahan sihat daripada Pegawai Perubatan atau surat pengesahan daripada Pengetua/Guru Besar.
- 5.4.5 Pengganti bagi acara lari berganti-ganti dihadkan kepada dua (2) orang peserta yang didaftarkan dalam Diskette dan/atau Borang Penyertaan rasmi. Peraturan ini melibatkan penyertaan di pusingan akhir.

6. MELAPORKAN DIRI

- 6.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 20 minit untuk acara balapan dan 30 minit untuk acara padang sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.
- 6.2 Peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.
- 6.3 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka hanya akan dilaungkan sekali oleh Pengelola Peserta. Hebahan seterusnya hanya dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan.
- 6.4 Peserta atau pasukan lari berganti-ganti yang lewat tidak akan dibenarkan mengambil bahagian.
- 6.5 Semasa melaporkan diri peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor peserta hendaklah disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju peserta. Peserta yang gagal memakai nombor pesertanya di baju serta berpakaian tidak sesuai, tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dan Pengelola Peserta berhak untuk membatalkan pelaporan diri peserta berkenaan.

7. PEMBATALAN ACARA

Semua acara yang didaftarkan akan dipertandingkan. Acara yang **KURANG DARIPADA TIGA (3)** orang peserta atau pasukan tidak akan dipertandingkan.

8. LARI BERGANTI-GANTI

- 8.1 Selepas menerima baton (*change over*) peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing sehingga pertukaran baton di tempatnya selesai supaya tidak mengganggu peserta lain. Jika Referi Balapan mendapati terdapat unsur gangguan, peserta tersebut akan dibatalkan lariannya.

- 8.2 Semua peserta **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali membalik atau melambung baton selepas tamat sesuatu pertandingan. Peserta tersebut akan dibatalkan.
- 8.3 Sebarang tanda yang dibuat hendaklah bukannya dari bahan yang kekal dan boleh dianggap mengganggu peserta lain.

9. BLOK PERMULAAN

- 9.1 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat **Kelas 1 dan 2** (Lelaki dan Perempuan), mulaan dekam dan penggunaan Blok Permulaan **MESTI DIGUNAKAN** :-

100 m	100/110 m Lari Berpagar	4 x 100 m
200 m	200 m Lari Berpagar	4 x 400 m
400 m	400 m Lari Berpagar	

- 9.2 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat **Kelas 3 dan 4** (Lelaki dan Perempuan , permulaan dekam **MESTI DIGUNAKAN**, tetapi penggunaan Blok Permulaan adalah digalakkan.

60 m	200 m	4 x 100m
100 m	80 m Lari Berpagar	4 x 200m

- 9.3 Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan blok permulaan untuk kegunaan sepanjang kejohanan berlangsung. Peserta- peserta **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan blok permulaan sendiri.

10. BERSAING (*PACING*)

- 10.1 Semua peserta atau pegawai atau sesiapa sahaja tidak dibenarkan bersaing (*pacing*) dengan mana-mana peserta yang sedang berlari.
- 10.2 Jika keadaan ini berlaku, peserta tersebut akan dibatalkan.

11. UKURAN TINGGI PERMULAAN DAN PAPAN LONJAKAN LOMPAT KIJANG

- 11.1 Ukuran tinggi permulaan bagi acara Lompat Tinggi ialah:

Kelas	Lelaki	Perempuan
Kelas 1	1.40 meter	1.20 meter
Kelas 2	1.30 meter	1.15 meter
Kelas 3	1.10 meter	1.00 meter
Kelas 4	0.90 meter	0.80 meter

- 11.2 Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat bagi acara Lompat Kijang adalah seperti berikut:

Kelas	Lelaki	Perempuan
Kelas 1	9/11 meter	7 meter
Kelas 2	9/11 meter	7 meter

12. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KEJOHANAN

- 12.1 Pingat-pingat akan diberi mengikut kedudukan.

Pertama	- Emas
Kedua	- Perak
Ketiga	- Gangsa

- 12.2 Johan keseluruhan ialah pasukan yang memenangi pingat emas terbanyak. Jika berlaku seri, kiraan pingat perak terbanyak akan diambil kira; jika masih seri, kiraan pingat gangsa terbanyak akan diambil kira dan jika masih seri maka pasukan yang terlibat akan diisytiharkan Johan Bersama.

- 12.3 Penentuan Peserta Terbaik.

- 12.3.1 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberikan kepada Peserta Terbaik Kelas 1L, 1P, 2L, 2P, 3L dan 3P berdasarkan pencapaiannya mengatasi rekod MSS Malaysia atau MSS Kedah atau memecahkan rekod kejohanan (mana yang lebih baik pencapaiannya). Usia rekod yang dipecahkan juga akan diambil kira.

- 12.3.2 Sekiranya tiada rekod baru dibuat, jumlah pungutan pingat emas dalam acara individu akan diambil kira.
- 12.3.3 Sekiranya pungutan pingat emas sama, pungutan perak dan gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
- 12.3.4 Sekiranya masih sama juga, maka peserta-peserta berkenaan akan diistiharkan sebagai Peserta Terbaik Bersama.

13. LAYAK MEMASUKI PUSINGAN AKHIR (ACARA BALAPAN)

- 13.1 Bagi semua acara balapan yang ada saringan, peserta-peserta yang layak memasuki peringkat akhir adalah seperti berikut:
- 13.1.1 Tiga saringan atau kurang - **tempat pertama dan kedua sahaja**
- 13.1.2 Empat atau lebih saringan - **tempat pertama sahaja**
- 13.2 Jika terdapat lorong yang masih kosong, maka peserta-peserta yang mencatat masa yang terbaik dari mana-mana saringan akan dimasukkan.
- 13.3 Jika terdapat peserta-peserta (dalam 13.2) di atas mencapai masa yang sama dan kemasukan mereka itu akan menyebabkan bilangan peserta melebihi bilangan lorong maka peserta-peserta berkenaan akan digugurkan.
- 13.4 Hebahan tentang kelayakan memasuki akhir bagi semua acara balapan **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat hanya diisytiharkan di papan kenyataan di tempat Jawatankuasa Pertandingan.

14. HURUF-HURUF DAN NOMBOR PENGENALAN PASUKAN

- 14.1 Nombor/abjad hendaklah diletakkan dengan baik di tengah-tengah (depan/ belakang) supaya dapat dilihat dengan jelas.
- 14.2 Nombor dan abjad pasukan adalah seperti berikut:

SEKOLAH	SINGKATAN	NOMBOR	HURUF
SMK St. Anne's Convent	(SMKSAC)	001-099	A
SMK Sultan Badlishah	(SMKSB)	100-199	B
SMK Chio Min	(SMKCM)	200-299	C
SMK St. Patrick	(SMKSP)	300-399	D
SMK Padang Serai	(SMKPS)	400-499	E
SMK Tunku Panglima Besar	(SMKTPB)	500-599	F
SMK Serdang	(SMKS)	600-699	H
SMK Taman Hi Tech	(SMKTH)	700-799	HT
SMK Taman Jelutong	(SMKTJ)	800-899	TJ
SMK Sultam Ahmad Tajudin	(SMKSAT)	1000-1099	J
SMK Sungai Kob	(SMKOB)	1100-1199	G
SMK Lubuk Buntar	(SMKLBS)	1200-1299	U
SM Teknik	(SMT)	1300-1399	V
SMK Junjung	(SMKJ)	1400-1499	Y
SMK Keladi	(SMKLD)	1500-1599	T
SMK Taman Kenari	(SMKTK)	1600-1699	TK
SMK Taman Selasih	(SMKTS)	1700-1799	TS
SMK Jalan Paya Besar	(SMKJPB)	1800-1899	PB
SMK Air Merah	(SMKAM)	1900-1999	AM
SMK Kulim	(SMKK)	2000-2099	K
SMK Mahang	(SMKM)	3000-3099	M
SMK Labu Besar	(SMKLB)	4000-4099	W
Mak. Ren. Sains MARA PDRM	(MRSM)	5000-5099	S
SMK Lunas	(SMKL)	6000-6099	L
SMK Sungai Karang	(SMKSGK)	7000-7099	P
SMK Dato' Lela Pahlawan	(SMKDLP)	8000-8099	R
SMK Selama	(SMKSS)	9000-9099	N
PKG Sungai Ular	(PKGUSU)	2500-2599	KE
PKG Padang Serai	(PKGSPS)	2100-2199	KA
PKG Kulim	(PKGK)	2300-2399	KC
PKG Serdang	(PKGS)	2600-2699	KF
PKG Bandar Baharu	(PKGBB)	2700-2799	KG

14.3 Ukuran nombor ialah tinggi 10 cm dan tebal 1 cm. Nombor hendaklah dibuat atas kain putih.

15. BANTAHAN

15.1 Segala bantahan kepada Juri Rayuan hendaklah secara bertulis mengikut Peraturan 146 KOAM, kecuali perkara-perkara di bawah:

15.1.1 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum perlawanan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (*under protest*) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSSDKBB kelak.

15.1.2 Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta-merta dan tidak lewat daripada:

a) Lima belas(15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.

b) Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.

15.1.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertai dengan wang pertaruhan tunai sebanyak RM 200 (**Ringgit Malaysia Dua Ratus**) sahaja.

15.2 Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan jika bantahan didapati tidak berasas.

16 HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

16.1 Tiap-tiap acara dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik MSSDKBB, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-pengurus Pasukan akan diberitahu.

16.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-undang Olahraga KOAM terkini, Peraturan-peraturan Am MSSM atau Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSK DKBB.

16.3 Pengurus Kejohanan akan membuat keputusan pada hal-hal yang tidak dinyatakan di sini dan keputusannya adalah muktamad.

17 HAL-HAL LAIN

17.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.

17.2 Selain daripada Pegawai-pegawai Teknik dan Jawatankuasa Pemilihan yang bertugas serta peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPA PUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**

17.3 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggung jawab ke atas kemalangan, kematian, kecatatan anggota, kehilangan anggota badan/harta benda atau sebarang kecederaan lain berlaku sebelum, pada dan selepas kejohanan ini. Walau bagaimanapun pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.

Disediakan oleh;

Pengerusi Teknik Olahraga
MSSK DKBB